



Anwar bersama Sheikh Tamim beramah mesra dengan delegasi di Amiri Diwan, Doha, semalam. (Foto BERNAMA)

Misi utama Anwar ke Qatar tarik pelabur ke Malaysia

Jadual padat menanti PM dalam lawatan rasmi tiga hari

Daripada Adha Ghazali

di Doha



Datuk Seri Anwar Ibrahim memulakan lawatan rasminya ke Qatar dengan menghadap Emir Qatar, Sheikh Tamim bin Hamad Al Thani, semalam.

Perdana Menteri yang tiba di Amiri Diwan jam 10.30 pagi semalam (3.30 petang waktu Malaysia) disambut Sheikh Tamim sebelum kedua-duanya mengadakan perbincangan selama kira-kira 30 minit.

Terdahulu, ketibaan Anwar diberikan sambutan rasmi di Amiri Diwan bersempena lawatan tiga hari beliau ke negara Arab Teluk ini.

Amiri Diwan adalah dewan pemerintahan Qatar. Ia adalah badan berdaulat yang turut menempatkan pejabat pentadbiran Emir Qatar.

Anwar tiba di Qatar malam kelmarin atas jemputan Emir Qatar dan ia cukup penting terutama dalam meraikan 50 tahun hubungan dua hala antara Ma-

aysia dan Qatar sejak 1974.

Ia lawatan pertama Anwar ke Qatar selepas dilantik sebagai Perdana Menteri ke-10 pada November 2022, dengah antara pengisian termasuk untuk menghadiri Forum Ekonomi Doha (DEF) 2024.

Mengiringi beliau dalam lawatan ini adalah Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz dan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Anwar kemudian turut mengadakan pertemuan bersama rakan sejawatannya, Sheikh Mohammed bin Abdulrahman Al Thani yang juga Menteri Luar Negeri Qatar.

Pertemuan kedua antara Anwar dan Sheikh Mohammad selepas masing-masing bertemu di Riyadh akhir bulan lalu, cukup signifikan dalam konteks berkaitan konflik Palestin-Israel.

Malaysia antara negara yang cukup lantang dalam menyuarakan isu berkaitan Palestin, manakala Qatar memainkan peranan amat signifikan sebagai jambatan diplomatik dalam mendedani isu sama, termasuk sebagai mediator utama perang di Gaza antara Israel dan Palestin.

Rakan kongsi perdagangan

Perdana Menteri mengisi jadual padat di Qatar yang merekodkan pendapatan perkapita tertinggi di dunia, dengan antara misi utama untuk menarik pelaburan ke Malaysia.

Jumlah dagangan dua hala Malaysia dan Qatar pada 2023 ialah

RM4.2 bilion, konsisten tertinggi sejak kali pertama merekodkan angka AS\$1 bilion pada 2022.

Pada sebelah petang pula, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan berjumpa lebih 30 kapten industri di Qatar, yang mana peluang ini akan dimanfaatkan beliau untuk melobi nama Malaysia sebagai destinasi tarikan pelaburan.

Qatar menjadi rakan kongsi perdagangan kelima terbesar bagi Malaysia, dengan tahun lalu eksport utama Malaysia ke Qatar ialah produk besi dan keluli sebanyak 37.2 peratus; jentera,engkapan dan peralatan (16.5 peratus); produk minyak sawit dan pertanian berasaskan minyak sawit (8.5 peratus) manakala selebihnya ialah makanan diproses serta produk elektrik dan elektronik.

Sementara import Malaysia dari Qatar terdiri produk petroleum (47.4 peratus), petroleum mentah (31.5 peratus); kimia dan produk kimia (10.5 peratus), barangan perkilangan logam (9.3 peratus) dan produk perkilangan berasaskan minyak sawit (0.3 peratus).

Dalam pada itu, Anwar juga dijadual berkongsi misi dan visi beliau melalui syarahan umum di Universiti Hamad Bin Khalifa sebelum mengakhiri jadual hari pertama bersama kira-kira 500 rakyat Malaysia di Qatar.

Berdasarkan rekod, terdapat kira-kira 5,000 rakyat Malaysia menetap di Qatar ketika ini dengan nilai dagangan kedua-dua negara direkod mencecah RM4.2 bilion pada tahun lalu.